

Lembaran baru

20 JULAI 1987

Malaysia Britain

LONDON 20 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini memberitahu Britain bahawa Malaysia ingin memulakan lembaran baru dalam hubungannya dengan negara tersebut dan ingin melupakan kisah - kisah lalu.

Bagaimanapun tegas Perdana Menteri, Britain pula hendaklah memahami Malaysia dan sensitif kepada hasrat dan cita-cita serta keperluan - keperluannya.

**Dari
Khalid Mohd.**

Untuk memperbaiki hubungan antara kedua buah negara, kata beliau, adalah perlu bagi Malaysia dan Britain mengorak langkah dan menanam erti yang lebih besar dan bermakna kepada hubungan itu. Perdana Menteri berucap di jamuan makan malam untuk meraikan beliau yang diberikan oleh rakan sejawatnya, Puan Margaret Thatcher di 10 Downing Street malam ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu Puan Thatcher bahawa beliau datang ke London kali ini dengan fikiran positif kerana

masih menaruh keyakinan terhadap hubungan kedua buah negara yang masih boleh diperbaiki memandangkan asasnya yang begitu lama terjalin. Dalam pada itu, kata beliau, kedua buah negara juga hendaklah bersedia menerima teguran yang dibuat ke atas satu sama lain dan dalam masa yang sama memelihara kepentingan - kepentingan bersama yang mengikat kedua buah negara.

"Malaysia kini ingin melihat Britain dari sudut pandangan baru dan ingin memahami dan menerima keutamaan - keutamaannya di samping mengongsi idea-idea baru dalam bidang industrinya, jika boleh" kata Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir yang memulakan lawatan

LIHAT MUKA 6

rasminya yang pertama ke Britain hari ini menambah: "Kerajaan Malaysia tidak mahu memandangkan ke belakang kerana tidak banyak faedah berbuat demikian. Untuk meningkatkan kualiti hubungan kedua buah negara, Malaysia dan Britain mestilah menyediakan asas-asas yang diperlukan." Dalam hubungan ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, sektor swasta kedua buah negara juga memainkan peranan seperti mana yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia - Britain. Perdana Menteri mengambil kesempatan dalam ucapannya untuk menerangkan dengan jelas tentang Dasar Pandang ke Timur yang menimbulkan kemarahan Britain. "Setengah orang mencela Dasar Pandang ke Timur Malaysia dan menuduh Malaysia melupai sahabat - sahabat lamanya di Barat," kata beliau. Sebenarnya, tegas Perdana Menteri, Malaysia tidak pernah melupakan rakan - rakannya di Barat. Buktinya ialah bilangan para pelajar Malaysia yang berjumlah 100,000 yang sedang menuntut di Barat. "Kami cuma mempunyai kira-kira satu ribu pelajar sahaja di Jepun, Korea dan Taiwan," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan kepada Britain bahawa Malaysia perlu mempelajari dari negara - negara timur itu bagaimana mereka berjaya bersaing dengan negara - negara yang sudah maju dan berjaya dalam bidang industri. Ini kerana Malaysia juga ingin berjaya seperti mereka. "Apa yang kami ingin pelajari ialah etika kerja, selok-belok pengurusan dan

strategi perniagaan. "Pandang ke timur tidaklah bererti memberi kontrak atau membeli barang - barang dari timur semata-mata. "Saya harap rakan-rakan British kita, dalam sektor kerajaan dan sektor swasta, memahami matlamat dasar tersebut," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah hubungan dua hala Malaysia - Britain hari ini hendaklah lebih realistik dengan mengambil kira kejatuhan harga komoditi, pasaran yang terhad serta kadar tukaran wang yang tidak menentu. Pendekatan lama yang banyak mengambil kira soal sentimen, kata beliau, sudah tidak boleh digunakan lagi.

Mengenai ekonomi, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa hubungan dagangan masih menguntungkan Britain dan usaha merapatkan jurang ini masih belum menampakkan hasil. Menurutnya, adalah perlu masalah - masalah yang dihadapi dalam bidang insurans, pelajaran dan perkapalan diperbetulkan segera di mana Britain boleh memainkan peranan berkesan ke arah mencapai hubungan ekonomi yang lebih seimbang.

Dalam hubungan inilah Malaysia ingin melihat Britain mempelbagaikan importnya dan tidak hanya membeli komoditi utama Malaysia sahaja, kata Perdana Menteri. Malaysia juga, tambahnya, ingin melihat pelaburan British bertambah di Malaysia lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana Malaysia telah melonggarkan lagi syarat-syarat bagi pelaburan asing.

Britain menghampar permaidani merah menyambut kedatangan Perdana Menteri dan memberikannya status tetamu rasmi kerajaan — yang pertama kali diberikan kepada ketua kerajaan Malaysia. Cuaca di kota London yang sejuk, tapi nyaman meskipun kini musim panas, dilihat oleh para pegawai kedua belah pihak sebagai petanda baik ke arah memesrakan balik hubungan kedua buah negara yang pernah merosot itu.

Dalam upacara sambutan rasmi di pejabat luar dan Komanwel petang ini, Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher dan suaminya Denis Thatcher menyambut Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dengan penuh mesra — membayangkan harapan dan keyakinan masing - masing bahawa yang keruh itu sudah berlalu.

Pegawai - pegawai kedua belah pihak juga menyifatkan lawatan rasmi enam hari Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai lawatan yang akan mengisi kekosongan yang wujud sejak Malaysia mengubah keutamaan - keutamaan dalam dasar luarnya yang tidak lagi berkiblatkan

Barat. Mereka yakin, apa yang cuba diwujudkan oleh kedua buah negara sekarang ialah persefahaman dan semangat kerjasama dalam satu suasana baru untuk sama-sama menuju ke arah tahun 2000 yang mencabarkan itu. Lawatan ini juga diharap akan membawa nafas baru yang akan menghapuskan segala rintangan serta salah faham yang menjadi punca kemerosotan hubungan kedua buah negara.

Selepas diberi sambutan rasmi dan memeriksa barisan kehormatan tentera British, Datuk Sri Dr. Mahathir terus mengadakan rundingan rasmi dengan Puan Thatcher di 10 Downing Street, pejabat Perdana Menteri Britain itu. Rundingan satu pusingan ini juga membayangkan bahawa masalah antara kedua buah negara telah dapat dibersihkan sehingga mereka tidak perlu berunding lagi selepas itu. Di sebelah malam, Datuk Sri Dr. Mahathir dan rombongan diraikan dalam majlis jamuan makan oleh Puan Thatcher. Pada hari-hari berikutnya, Datuk Sri Dr. Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan sektor swasta, ahli-ahli Parlimen

British serta bertemu dengan para wartawan asing di sini termasuk pertemuan berasingan dengan para pengarang akhbar tempatan. Beliau juga akan menghadiri jamuan teh bersama Queen Elizabeth di samping melawat British Aerospace dan Taman Teknologi, Cambridge University.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam "lawatan lembaran baru" ini akan lebih menumpukan perhatian bagi memberikan gambaran sebenar mengenai Malaysia dan peluang - peluang pelaburan yang baik untuk pelabur - pelabur British. Untuk mencapai hasrat ini, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan dasar dalam seminar sehari MIDA bertajuk "Malaysia sebagai pusat menguntungkan" dan mengadakan pertemuan dengan Persatuan Malaysia - British yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan. Untuk meyakinkan lagi Britain terhadap dasar - dasar Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir akan berucap mengenai "hubungan Malaysia-Britain— prospek masa depan" di Institut Diraja bagi hubungan antarabangsa.

Perdana Menteri akan juga mengadakan pertemuan berasingan dengan Setiausaha Pertahanan, Setiausaha Perdagangan dan Perindustrian, Setiausaha Pertanian dan Setiausaha Luar British untuk merundingkan dengan lebih khusus perkara - perkara kepentingan bersama melibatkan bidang-bidang berkaitan.

Perbincangan dalam pertemuan - pertemuan berasingan ini akan tertumpu kepada perkara meningkatkan dagangan, membantu Malaysia dalam usahanya mengeluarkan makanan dan peralatan tentera serta masalah perlindungan dagangan serta soal sekatan - sekatan yang dikenakan oleh Kesatuan Ekonomi Eropah.

Di samping itu, perbincangan - perbincangan akan juga tertumpu kepada masalah yuran yang masih tinggi yang dihadapi oleh para pelajar Malaysia yang kini berjumlah kira-kira 8,000 orang.

Masalah pengaliran keluar pelaburan British dari Malaysia juga dijangka menjadi tajuk utama perbincangan Perdana Menteri dengan setiausaha - setiausaha British itu.